



KENYATAAN MEDIA BUKU AKAN TERBIT

Buku Genghis Khan

Sebuah lagi karya jenis fiksyen yang bergenre novel sejarah akan diterbitkan oleh PTS Media Group, iaitu *Genghis Khan*. Buku ini adalah hasil karya penulis PTS yang dikenali sebagai Al-Ghazali. Beliau sudah menghasilkan lebih 10 buah buku bersama PTS. Penulis yang terkenal dengan penghasilan koleksi novel sejarah ini berani mempertaruhkan buku *Genghis Khan* sebagai karya terbaru.

Sebagaimana tajuk buku ini, subjek utama dalam karya ini semestinya adalah *Genghis Khan*. Walaupun ia berbentuk fiksyen, penulis membuat kajian terhadap sejarah sebenar kehidupan tokoh itu. Beliau mencorakkan karyanya dengan intisari utama tentang pemimpin terkenal dunia itu. Novel sejarah ini lebih menumpukan terhadap karakter pemimpin itu yang mengasaskan kerajaan Mongol.

Peminat-peminat novel sejarah berpeluang menambah maklumat tentang tokoh yang mengasaskan empayar darat terbesar pernah disaksikan dunia. Siapakah Genghis sebenarnya dan apakah yang dilakukannya bagi menyatakan puak-puak nomad di Padang Steppe? Selain itu, bagaimana perjuangannya menentang orang Cina boleh diketahui dalam karya ini.

Selain daripada novel sejarah *Genghis Khan* ini, penulis juga pernah menghasilkan karya seperti *Adolf Hitler*, *Dracula*, dan *Muawiyah- Sebuah Biografi Awal*. Beliau juga banyak menghasilkan buku tentang tokoh-tokoh Islam terdahulu seperti *Abdul Rahman bin Auf*, *Hamzah bin Abdul Muttalib*, *Zubair bin Awwam*, dan banyak lagi.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Konsultan Buku PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: awatif@pts.com.my